SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2022 Pengajian Am Semester 2 Sabah (Tawau) + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Nama :
Kelas :

KOLEJ TINGKATAN ENAM TAWAU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
PENGAJIAN AM KERTAS 2 (900/2)
SEMESTER 2 TAHUN 2022
MASA : 1 JAM 30 MINIT

Arahan kepada calon:

Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Jawab **semua** *soalan dalam Bahagian A.*

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam Bahagian B. Anda boleh menjawab semua soalan,* **tetapi** *hanya jawapan pertama yang akan diperiksa.*

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam Bahagian C. Anda boleh menjawab semua soalan,* **tetapi** *hanya jawapan pertama yang akan diperiksa.*

Tulis jawapan pada helaian jawapan yang disediakan. Mulakan setiap jawapan pada helaian jawapan yang baharu.

Ikat helaian jawapan anda bagi Bahagian A, Bahagian B, termasuk kertas graf pada halaman 7 atau 8, dan Bahagian C.

Kertas soalan ini terdiri daripada 5 halaman bercetak.

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
1	
2	
3	
4	
Bahagian B	
Bahagian C	
Jumlah	

Bahagian A (15 markah)

*Jawab **semua** soalan.*

1. Huraikan **dua** kesan sekiranya prinsip Keluhuran Perlembagaan menjadi pegangan penduduk di negara ini. [4]

(a)_____
_____
(b)_____
_____

2(a). Nyatakan **dua** prinsip teras perpaduan dalam memperkukuh perpaduan nasional melalui Gagasan 1Malaysia. [2]

(a)_____
_____
(b)_____
_____

2(b). Nyatakan **dua** nilai aspirasi dalam Gagasan 1Malaysia untuk menyatupadukan rakyat Malaysia. [2]

(a)_____
_____
(b)_____
_____

3. Nyatakan **tiga** Bidang Keutamaan yang menjadi teras dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023. [3]

(a)_____
(b)_____
(c)_____

4(a). Nyatakan **dua** aspirasi murid yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025). [2]

(a)_____
_____
(b)_____
_____

4(b). Nyatakan **dua** anjakan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025). [2]

(a)_____
_____
(b)_____
_____

Bahagian B (20 markah)

*Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan **jumlah** guna tenaga mengikut sektor terpilih di Malaysia dari tahun 2009 hingga tahun 2012.

Guna tenaga penting dan golongan tenaga buruh ini melakukan kegiatan ekonomi untuk pertumbuhan dan kemajuan negara. Sektor-sektor terpilih menggerakkan ekonomi negara melalui kegiatan perolehan hasil seperti sektor pembuatan, pembinaan, pengangkutan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Sektor paling ramai guna tenaga dari tahun 2009 hingga tahun 2012 ialah sektor pembuatan. Hasil sektor ini antaranya ialah peralatan domestik dan eksport seperti radio dan televisyen dan produk hasil. Sektor ini mencatatkan 3 240 ribu orang pada tahun 2009. Sektor pembinaan mencatatkan jumlah tenaga kerja paling sedikit pada tahun ini iaitu seramai 758 ribu orang, manakala sektor pengangkutan pula memenuhi keperluan guna tenaga seramai 682 ribu orang. Pada tahun ini sektor perkhidmatan-perkhidmatan lain paling ramai iaitu sebanyak 42.38% daripada 8 122 ribu orang bagi keseluruhan guna tenaga pada tahun 2009.

Sektor pembinaan juga antara sektor yang menyumbang kepada KDNK yang tinggi dan pada tahun 2010 meningkat sedikit kepada 791 ribu orang, begitu juga dengan sektor pengangkutan meningkat kepada 704 ribu orang. Peningkatan guna tenaga ini kerana penambahbaikan prasarana pengangkutan awam seperti rangkaian rapid dan sistem rel. Sektor perkhidmatan-perkhidmatan lain juga meningkat kepada 3 585 ribu orang kerana kewujudan pelbagai peluang pembangunan ekonomi dalam sektor awam dan swasta, antaranya yang berkait dengan sistem online. Sektor pembuatan mencatat sebanyak 3 382 ribu orang daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2010 sebanyak 8 462 ribu orang.

Jumlah guna tenaga di semua sektor terpilih pada tahun 2011 adalah seramai 8 790 ribu orang. Sektor pembuatan terus memacu pertumbuhan ekonomi dengan jumlah guna tenaga seramai 3 533 ribu orang pada tahun 2011. Guna tenaga tertinggi pada tahun ini ialah sektor perkhidmatan-perkhidmatan lain iaitu seramai 3682 ribu orang. Guna tenaga yang bekerja di sektor pembinaan dan pengangkutan pada tahun ini masing-masing mencatatkan jumlah senarai 808 ribu orang dan 767 ribu orang. Pada tahun ini projek kemasukan ekonomi (EPP) di bawah NKEA membina MRT menyediakan 130 ribu peluang kerja secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2020.

Daripada 8 764 ribu orang jumlah guna tenaga pada tahun 2012, seramai 3 571 ribu orang adalah pekerja dalam sektor pembuatan. Pemulihan ekonomi negara secara perlahan tidak menjejaskan sektor ini kerana mendapat permintaan tinggi luar negara dalam peralatan elektronik. Sektor pembinaan juga menunjukkan pertambahan sebanyak 87 ribu orang, namun bagi sektor pengangkutan pula menurun sebanyak 26 ribu orang pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, jumlah guna tenaga dalam sektor perkhidmatan-perkhidmatan lain menurun kepada 3 557 ribu orang pada tahun tersebut.

(Disesuaikan daripada Laporan Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri, Malaysia 2012)

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan **carta** yang sesuai untuk menunjukkan jumlah warganegara mengikut golongan profesion berdaftar bagi Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang dilaporkan di Malaysia pada tahun 2005.

Keperluan kepada tenaga kerja mahir dalam kalangan ahli profesion berdaftar amat tinggi untuk membantu kerajaan membangunkan negara. Sejak tahun 1992, profesion berdaftar semakin berkembang dan disokong oleh iklim ekonomi yang kukuh.

Pada tahun 2004, jumlah profesion berdaftar Bumiputera dan Bukan Bumiputera mencatatkan sebanyak 101 551 orang dan jumlah ini telah bertambah sebanyak 2 266 orang menjadi 103 817 orang pada tahun 2005. Daripada jumlah tersebut, golongan Bumiputera mencatatkan sebanyak 41 892 orang dan selebihnya merupakan golongan Bukan Bumiputera. Golongan akauntan dalam kelompok Bukan Bumiputera adalah seramai 14 093 orang, iaitu melebihi akauntan Bumiputera sebanyak 9 627 orang. Manakala profesion arkitek berdaftar pula seramai 3 003 orang dan 1 358 orang adalah kelompok Bumiputera. Jumlah arkitek bukan Bumiputera berdaftar mencatatkan 1 645 orang.

Negara kita masih kekurangan doktor pakar dan berpengalaman dalam bidang perubatan berteknologi moden. Golongan doktor pakar Bukan Bumiputera mencatatkan 9 854 orang manakala golongan Bumiputera seramai 5 719 orang. Faktor gaji dan kemudahan perubatan serta mudah akses kepada maklumat dan kemahiran menyebabkan ramai rakyat Malaysia bekerja di luar negara.

Jumlah doktor gigi Bumiputera dan Bukan Bumiputera tidak banyak menarik minat golongan terpelajar untuk menceburi profesion tersebut. Hal ini dapat dibuktikan apabila wujud perbezaan sebanyak 325 orang lebih rendah berbanding golongan doktor gigi Bumiputera yang melibatkan seramai 1 483 orang. Doktor gigi Bukan Bumiputera hanya mencatatkan 1 158 orang. Seterusnya profesion kejuruteraan daripada pelbagai kategori mencatatkan jumlah paling ramai. Daripada jumlah keseluruhan jurutera berdaftar sebanyak 49 204 orang, seramai 26 580 mewakili golongan Bukan Bumiputera dan selebihnya merupakan Bumiputera.

Etnik Cina dan India merupakan kaum majoriti yang terlibat dalam bidang guaman dan pengamal undang-undang. Kelompok Bumiputera yang menjadi peguam mencatatkan jumlah seramai 14.90% pada tahun 2005 manakala etnik Bukan Bumiputera pula mencatatkan sebanyak 13.88%. Walaupun etnik lain menyumbang 2.68% dalam kelompok Bukan Bumiputera, namun golongan ini juga memberi sumbangan yang tinggi dalam usaha menegakkan keadilan dan perundangan negara.

(Diubahsuaikan daripada RMK9 Profesional Berdaftar di Malaysia, 2005)

SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
SEMESTER 2 / STPM 2022
PENGAJIAN AM KERTAS 2 (900/2)

Bahagian A (15 markah)

1. Huraikan **dua** kesan sekiranya prinsip Keluhuran Perlembagaan menjadi pegangan penduduk di negara ini. [4]

Bil.	Isi / Idea (1m)	Huraian (1m)
1.	Menjamin hak / keistimewaan setiap warga negara	Peruntukan Perlembagaan menjamin hak dan kebebasan rakyat
2.	Mengukuhkan perpaduan antara kaum	Kewajipan setiap warganegara dalam Perlembagaan untuk mewujudkan perpaduan kaum
3.	Menjamin keamanan negara	Rakyat yang memahami maksud dan kandungan Perlembagaan Persekutuan dapat mewujudkan kemakmuran dan keharmonian negara
4.	Melicinkan pentadbiran kerajaan	Perlembagaan Persekutuan menjadi asas kepada pentadbiran kerajaan

2(a). Nyatakan **dua** prinsip teras perpaduan dalam memperkukuh perpaduan nasional melalui Gagasan 1Malaysia. [2]

Bil.	Isi / Idea (1m)
1.	Penerimaan
2.	Kenegaraan
3.	Keadilan Sosial

2(b). Nyatakan **dua** nilai aspirasi dalam Gagasan 1Malaysia untuk menyatupadukan rakyat Malaysia. [2]

Bil.	Isi / Idea (1m)
1.	Budaya Berprestasi Tinggi
2.	Budaya Ketepatan
3.	Budaya Ilmu
4.	Integriti
5.	Ketabahan
6.	Kesetiaan
7.	Kebijaksanaan
8.	Budaya Inovasi

3. Nyatakan **tiga** Bidang Keutamaan yang menjadi teras dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023. [3]

Bil.	Isi / Idea (1m)
1.	Tadbir Urus Politik
2.	Pentadbiran Sektor Awam
3.	Perolehan Awam
4.	Perundangan dan Kehakiman
5.	Penguatkuasaan Undang-Undang
6.	Tadbir Urus Korporat

PERINCIAN SKEMA PEMARKAHAN BAHAGIAN B

		PA	KT	KI	KM	JUMLAH
A.	Salah Media : Rujuk jadual (Rujuk E)	-	-	-	-	01/20
B.	Maklumat salah 1. Tiada tajuk/salah tajuk	3	3	3	1 @ 2	10/20 @ 11/20
	2. Tiada tahun pada tajuk/tiada tempat	3	3	3	1 @ 2	10/20 @ 11/20
	3. Tiada petunjuk/petunjuk pada muka surat lain	3	3	3	1 @ 2	10/20 @ 11/20
	4. Tiada peratus/unit di paksi/jumlah besar/tiada label*	3	3	3	1 @ 2	10/20 @ 11/20
	5. Salah peratus/unit di paksi/jumlah besar/label tidak lengkap*/salah label	4	4	4	1 @ 2	13/20 @ 14/20
	6. Lengkap satu graf atau carta daripada dua graf/carta (Graf gabungan dan carta pai bertingkat sahaja)	3	3	3	1	10/20
	7. Salah penulisan nilai di paksi/salah plot keseluruhan data	3	3	1	1	08/20
C.	1. Sumber tidak lengkap	6	6	5	1 @ 2	18/20 @ 19/20
	2. Tiada sumber	6	6	4	1 @ 2	17/20 @ 18/20
	3. Nisbah jejari – salah aplikasi/tiada nisbah Jejari/ada letak cm pada nisbah jejari	6	6	5	1 @ 2	18/20 @ 19/20
	4. Tulis skala tetapi salah	6	6	5	1 @ 2	18/20 @ 19/20
D.	Pembezaan sektor 2. Jika menggunakan warna sepenuhnya	6	6	6	1 @ 2	19/20 @ 20/20
	2. Jika berlorek	6	4	6	1	17/20
	3. Jika menggunakan gabungan warna dan lorekan	6	3	6	1	16/20
	4. Jika menggunakan abjad atau angka/tanda/calit	6	1	6	1	14/20
	5. Jika tiada warna/lorek/abjad/angka pada media dan petunjuk	1	1	1	1	04/20
	6. Jika calon melukis simbol/abjad/angka (untuk graf garis)	6	5	6	1	18/20

PEMARKAHAN UNTUK JADUAL

E		Tajuk (T)	Butiran (B)	Sumber (S)	Jumlah
	1. Jadual yang lengkap	2	2	1	05/20
	2. Jadual tanpa tajuk/unit/nilai/label	0	0	0	0/20
	3. Tajuk/unit/nilai/label yang salah/tidak lengkap	1	1	1	03/20
	4. Ada tajuk, tetapi salah	1	2	1	04/20

*Tajuk tidak '**menghidupkan**' label yang tiada atau salah.
*Semua jadual mesti lengkap dalam satu muka surat. Kalau berada di muka surat sebelah dianggap tiada.

PERINGATAN KEPADA PEMERIKSA:
Calon dikehendaki menjawab **satu** daripada dua soalan dalam **Bahagian B**. Sekiranya calon menjawab kedua-dua soalan, hanya soalan yang mula-mula dijawab oleh calon sahaja yang perlu disemak oleh pemeriksa.

Skema Jawapan Soalan 5 – Graf Bar Komponen

MALAYSIA: JUMLAH GUNA TENAGA MENGIKUT SEKTOR TERPILIH DARI TAHUN 2009 HINGGA TAHUN 2012

Tahun / Sektor	Jumlah guna tenaga (ribu orang)			
	2009	2010	2011	2012
Pembuatan	3 240	3 382	3 533	3 571
Pembinaan	758	791	808	895
Pengangkutan	682	704	767	741
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	3 442	3 585	3 682	3 557
Jumlah	8 122	8 462	8 790	8 764

(Disesuaikan daripada Laporan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia 2012)

Skala: 1 cm = 1 000 ribu orang

Skema Jawapan Soalan 6 – Carta Pai Berbanding

MALAYSIA: JUMLAH WARGANEGARA MENGIKUT GOLONGAN PROFESION BERDAFTAR BAGI BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA YANG DILAPORKAN PADA TAHUN 2005

Golongan profesion berdaftar	Bumiputera			Bukan Bumiputera		
	Jumlah (orang)	Peratus (%)	Sudut (◦)	Jumlah (orang)	Peratus (%)	Sudut (◦)
Akauntan	4 466	10.66	38.38	14 093	22.76	81.93
Arkitek	1 358	3.24	11.67	1 645	2.66	9.56
Doktor pakar	5 719	13.65	49.15	9 854	15.91	57.29
Doktor gigi	1 483	3.54	12.74	1 158	1.87	6.73
Kejuruteraan	22 624	54.01	194.42	26 580	42.92	154.52
Peguam	6 242	14.90	53.64	8 595	13.88	49.97
Jumlah	41 892	100.00	360.00	61 925	100.00	360.00

(Diubahsuaikan daripada RMK9 Profesinonal Berdaftar di Malaysia, 2005)

Nisbah jejari = 1.00 : 1.22

Bahagian C – Karangan (25 markah)

7. Objektif penggubalan Rukun Negara adalah untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu, demokratik, saintifik, progresif dan bersikap terbuka terhadap cara hidup pelbagai kaum di Malaysia. Oleh itu, rakyat Malaysia memainkan peranan penting untuk merealisasikan objektif tersebut. Bincangkan.

Skema Jawapan: 5 + 0

Pengenalan

Penggubalan Rukun Negara pada tahun 1970 adalah berdasarkan kepada keperluan menimbulkan semangat dan identiti yang sama bagi sama bagi semua rakyat Malaysia. Oleh itu, semua rakyat Malaysia memainkan peranan untuk mencapai objektif Rukun Negara.

Bil.	Isi / Idea	Huraian
1.	Rakyat perlu bersatu padu	• Masyarakat yang berbilang kaum hendaklah bersedia untuk bersatu padu antara satu sama lain • Masyarakat hendaklah menghormati kaum lain tanpa rasa curiga yang menebal • Kepentingan peribadi diketepikan dengan mengutamakan kepentingan negara
2.	Bermoral dan beretika	• Rakyat Malaysia hendaklah mengamalkan kehidupan yang bermoral dan beretika • Pegangan agama yang kukuh, moral, etika dan kerohanian diperlukan untuk menyeimbangkan kehidupan manusia • Hal ini akan menjadikan rakyat lebih berbuat baik demi kebaikan bersama
3.	Bersikap liberal dan bertolak ansur	• Menghormati kebebasan beragama, budaya dan adat resam di samping memelihara kebudayaan kebangsaan • Rakyat Malaysia perlu bersikap liberal dan bertolak ansur, bersikap terbuka dan saling memahami antara kaum • Menjadi sumber kekuatan kepada bangsa dan negara
4.	Menghormati perlembagaan negara	• Menerima, mematuhi dan mempertahankan kandungan serta maksud perlembagaan negara • Sentiasa mendaulatkan perlembagaan negara yang menjadi sumber perundangan tertinggi di Malaysia • Tidak mempersoalkan kandungan perlembagaan negara • Mempunyai keyakinan dan kepercayaan yang tinggi kepada sistem pemerintahan serta undang-undang yang dilaksanakan di Malaysia

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar